# Detik-Detik Peralihan

UM 01/11/2003 - 5 PRECISE



DR. MAHATHIR Mohamad dan Dr. Siti Hasmah melambai kepada orang ramai yang menghadiri majlis persaraannya di Laman Perdana, Bangunan Putra Perdana, Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Abdullah Ahmad Badawi.





DR. SITI HASMAH dan Dr. Mahathir saling berpandangan antara satu sama lain sebaik sahaja selesai menjawab soalan wartawan pada sidang akhbar khas di Jabatan Perdana Menteri.



ABDULLAH Ahmad Badawi melambai kepada orang ramai yang berkumpul di pekarangan kompleks Bangunan Putra Perdana, Putrajaya.



ABDULLAH Ahmad Badawi dan isterinya Endon Mahmood bersalaman dengan orang ramai sebelum masuk ke kompleks Bangunan Putra Perdana yang menempatkan Pejabat Perdana Menteri, sekembalinya daripada mengangkat sumpah jawatan di Istana Negara.



DR. MAHATHIR MOHAMAD menekapkan ibu jari buat kali terakhir sebagai kakitangan kerajaan ke atas alat perakam waktu elektronik sebelum keluar dari Jabatan Perdana Menteri.



ORANG ramai berasak-asak untuk bersalam dengan Dr. Mahathir Mohamad sebaik sahaja selesai menunaikan solat fardu Jumaat di Masjid Putra, Putrajaya.